



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage:
<https://karyailham.com.my/index.php/jarsbs/index>
ISSN: 2462-1951



Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan CHATGPT dalam Penulisan Akademik: Satu Kajian Literatur Sistematis

Student Perceptions of the Use of CHATGPT in Academic Writing: A Systematic Literature Review

Noor Ainun Mardiyah Kadir¹, Angela Maureen Lidi¹, Angline Agaie Janting¹, Elentia Tar¹, Maria Abdul Syikin¹, Arman Shah Abdullah^{1,*}

¹ Faculty of Technical and Vocational, Sultan Idris Education University, Tanjong Malim, 35900, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 27 March 2026

Received in revised form 21 May 2026

Accepted 10 June 2026

Available online 7 July 2026

ABSTRACT

Kajian ini merupakan tinjauan literatur sistematik tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik. Sebanyak sepuluh sumber telah dianalisis, terdiri daripada sembilan literatur kajian sistematik dan satu kajian empirikal utama, yang memberi tumpuan kepada pengalaman, pendapat, dan kebimbangan pelajar mengenai penggunaan ChatGPT dalam akademik penulisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar secara amnya memberi persepsi yang positif terhadap ChatGPT yang merupakan salah satu alat sokongan yang membantu, mempertingkatkan kecekapan penulisan, membetulkan, dan memperkayakan perbendaharaan, memberi maklum balas yang pantas, dan menyokong pembelajaran secara sendiri. ChatGPT juga didapati secara meluas digunakan bagi pelbagai peringkat dalam proses penulisan seperti penjanaan idea, penghasilan draf, penyuntingan dan juga semakan akhir. Walau bagaimanapun, penggunaan ChatGPT secara positif juga mendatangkan kekhuatiran yang besar, terutamanya mengenai integriti akademik, kebergantungan yang berlebihan, ketepatan maklumat, dan kesan yang berpotensi negatif mengenai penguasaan berfikir secara kritikal dan kemahiran menulis secara berdikiri. Kajian ini juga telah membuktikan bahawa terdapat beberapa faktor kontekstual yang mempengaruhi persepsi pelajar, seperti tahap literasi digital, pengalaman sebelumnya dengan teknologi kecerdasan buatan, kebijakan institusi, bimbingan yang diberikan oleh pensyarah, dan tahap pendidikan. Kajian ini secara keseluruhannya mencadangkan pelajar beranggapan penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik adalah satu kelebihan, namun mereka memerlukan garis panduan, latihan berstruktur, dan pengawasan untuk memastikan penggunaan ChatGPT di peringkat pendidikan tinggi dapat digunakan dengan beretika dan berkesan.

This study is a systematic literature review on students' perceptions of the use of ChatGPT in academic writing. A total of ten sources were analyzed, consisting of nine systematic literature reviews and one primary empirical study, which

* Corresponding author.

E-mail address: armanshah@ftv.upsi.edu.my

focused on students' experiences, opinions, and concerns regarding the use of ChatGPT in academic writing. The study findings showed that students generally gave a positive perception of ChatGPT as one of the support tools that helps, improves writing efficiency, corrects, and enriches vocabulary, provides quick feedback, and supports self-directed learning. ChatGPT was also found to be widely used at various stages in the writing process such as idea generation, draft production, editing, and final revision. However, the positive use of ChatGPT also raised significant concerns, especially regarding academic integrity, over-reliance, information accuracy, and potentially negative effects on critical thinking and independent writing skills. This study also demonstrated that there are several contextual factors that influence students' perceptions, such as digital literacy level, previous experience with artificial intelligence technology, institutional policies, guidance provided by lecturers, and education level. This study overall suggests that students consider the use of ChatGPT in academic writing to be an advantage, but they need guidelines, structured training, and supervision to ensure that the use of ChatGPT at the higher education level can be used ethically and effectively.

Keywords:

ChatGPT; penulisan akademik; persepsi pelajar; kecerdasan buatan; integriti akademik

ChatGPT; academic writing; student perception; artificial intelligence; academic integrity

1. Pengenalan

Revolusi kecerdasan buatan (AI) telah mencetuskan perubahan besar dalam pelbagai sektor, khususnya dalam pendidikan tinggi. Salah satu inovasi yang paling menonjol ialah ChatGPT, iaitu sebuah model bahasa berskala besar yang mampu menghasilkan teks dengan gaya penulisan yang hampir menyerupai manusia [8]. Dalam konteks akademik, penggunaan ChatGPT oleh pelajar untuk penulisan tugas dan tesis telah menimbulkan perbincangan yang meluas, sama ada sebagai peluang untuk meningkatkan kecekapan kerja akademik atau sebagai ancaman terhadap integriti akademik.

ChatGPT merupakan chatbot yang dibangunkan oleh OpenAI dan direka untuk memahami serta memberi respons dalam pelbagai bahasa. Ia berasaskan model Generative Pre-trained Transformer (GPT), yang membolehkannya membantu pengguna dalam proses penulisan dan penerbitan akademik. Dalam hal ini, ChatGPT dilihat sebagai satu alat sokongan yang berpotensi besar, terutamanya dalam membantu pelajar menyusun idea dan memperkemas penulisan akademik mereka.

Walaupun bagaimanapun, persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT adalah berbeza-beza. Menurut Kasneci *et al.*, [12], sebahagian pelajar menganggap AI sebagai pemangkin kepada pembelajaran yang lebih diperibadikan. Namun begitu, terdapat kebimbangan bahawa kebergantungan yang berlebihan terhadap teknologi ini boleh melemahkan kemahiran berfikir secara kritis. Selain itu, isu etika seperti risiko plagiarisme dan ketepatan maklumat turut menjadi faktor penting yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam amalan akademik. Walaupun ramai pelajar mengakui manfaatnya dalam membantu memahami konsep yang kompleks, kebimbangan terhadap ketelusan dan kejujuran akademik masih kekal sebagai isu utama [16].

Di Malaysia dan juga di peringkat global, institusi pendidikan kini berusaha untuk mencari keseimbangan dalam mengintegrasikan teknologi AI ini ke dalam sistem pembelajaran. Memahami persepsi pelajar merupakan aspek yang penting kerana ia akan mempengaruhi keberkesanan penggunaan AI dalam kurikulum pada masa hadapan. Menurut Sullivan *et al.*, [18], garis panduan yang jelas amat diperlukan bagi memastikan penggunaan AI berfungsi sebagai alat sokongan, bukannya menggantikan usaha intelektual pelajar. Oleh itu, kajian literatur sistematik ini bertujuan untuk menghimpunkan dapatan kajian terdahulu bagi mengenal pasti trend, manfaat dan cabaran

yang dihadapi pelajar dalam penggunaan ChatGPT untuk penulisan akademik, sambil meneliti potensinya dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif [4].

Selain itu, integrasi kecerdasan buatan dalam pendidikan tinggi juga selari dengan agenda pembangunan pendidikan lestari di peringkat global dan nasional. Pemanfaatan teknologi digital dalam pendidikan menyokong matlamat Sustainable Development Goals (SDG), khususnya SDG 4 yang menekankan pendidikan berkualiti, inklusif dan pembelajaran sepanjang hayat. UNESCO pula menegaskan bahawa penggunaan kecerdasan buatan dalam pendidikan perlu dilaksanakan secara beretika dan bertanggungjawab bagi memperkukuh literasi digital, pemikiran kritis dan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam konteks Malaysia, usaha transformasi pendidikan melalui inovasi dan pendigitalan pembelajaran turut sejajar dengan aspirasi Blue Education Malaysia yang menekankan kelestarian, inovasi dan pembangunan modal insan berdaya saing. Justeru, kajian terhadap persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik bukan sahaja relevan dari sudut pedagogi, malah menyumbang kepada wacana pendidikan lestari yang selari dengan aspirasi SDG, UNESCO dan hala tuju pendidikan negara.

2. Sorotan Literatur

Kemunculan ChatGPT sebagai aplikasi kecerdasan buatan yang berasaskan model bahasa besar telah membawa perubahan ketara terhadap cara pelajar menulis dan belajar di institusi pengajian tinggi. Kebanyakan pelajar melihat ChatGPT sebagai alat sokongan yang membantu, khususnya dalam menjana idea, membina rangka penulisan, serta memperbaiki aspek tatabahasa dan gaya bahasa. Menurut Kasneci *et al.*, [12], teknologi ini berpotensi meningkatkan kualiti pembelajaran sekiranya digunakan secara beretika dan terkawal, terutamanya sebagai alat sokongan tambahan dan bukannya pengganti kepada usaha kognitif pelajar. Melalui penggunaan ChatGPT, pelajar dapat memperoleh bantuan dengan lebih pantas bagi tugas penulisan yang kompleks, mempercepatkan proses penghasilan teks, dan meningkatkan kefahaman terhadap bahan akademik.

Namun begitu, pandangan positif ini turut disertai dengan kebimbangan berkaitan integriti akademik. Pelajar menyedari risiko seperti plagiarisme, penggunaan tanpa pendedahan, serta kemungkinan kemerosotan kemahiran berfikir kritis apabila ChatGPT digunakan secara berlebihan [6]. Keupayaan AI untuk menghasilkan teks yang berkualiti tinggi dengan mudah boleh menjejaskan ketelusan dalam penilaian akademik, khususnya bagi tugas penulisan dan peperiksaan dalam talian [19]. Sehubungan itu, institusi pendidikan disarankan untuk menetapkan dasar penggunaan yang jelas bagi membezakan antara penggunaan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan, di samping menekankan kepentingan pendedahan apabila hasil AI digunakan dalam tugas akademik.

Selain aspek sokongan kognitif dan isu integriti akademik, kajian terkini turut meneliti pengaruh ChatGPT terhadap tahap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Sorotan sistematik oleh Lo, Hew dan Jong [11] mendapati bahawa penggunaan ChatGPT secara berstruktur dapat meningkatkan penglibatan pelajar melalui pembelajaran sendiri, maklum balas segera, serta interaksi pembelajaran yang lebih bersifat dialogik. Walau bagaimanapun, kesan positif ini sangat bergantung kepada reka bentuk pedagogi dan bimbingan pensyarah, kerana penggunaan tanpa kawalan boleh mendorong pembelajaran pasif. Dapatan ini disokong oleh Albadarin *et al.*, [1] yang menegaskan bahawa ChatGPT lebih berkesan apabila digunakan sebagai alat sokongan pembelajaran berbanding sumber utama pengetahuan, sekali gus mengekalkan peranan aktif pelajar dalam membina kefahaman konsep dan kemahiran akademik.

Dalam konteks pembelajaran bahasa dan penulisan akademik, beberapa kajian sistematik menunjukkan potensi ChatGPT dalam meningkatkan hasil pembelajaran, khususnya bagi pelajar EFL. Amoush dan Alhosban [3] serta Teng [20] melaporkan bahawa ChatGPT membantu pelajar memperbaiki struktur ayat, kosa kata dan koherens penulisan, di samping meningkatkan keyakinan dalam menghasilkan teks akademik. Namun demikian, kajian-kajian ini turut menekankan cabaran seperti kebergantungan berlebihan, kekangan pemikiran kritis, serta keperluan garis panduan etika yang jelas. Seiring dengan itu, Malik, Kousar dan Arshad [14] serta Montenegro-Rueda *et al.*, [16] menegaskan kepentingan integrasi ChatGPT secara seimbang dan beretika agar teknologi ini benar-benar menyokong pemerolehan pengetahuan dan pencapaian hasil pembelajaran yang bermakna dalam pendidikan tinggi.

3. Metodologi Kajian

3.1 Protokol Prisma

Semasa menjalankan kajian literatur sistematik, penyelidik perlulah menganalisis, mentafsir dan menilai secara kritis pengetahuan dan kajian sedia ada. Proses tersebut membolehkan penyelidik menemui corak dapatan kajian terdahulu, memahami kedalaman dan butiran pengetahuan sedia ada, dan mengenal pasti jurang untuk penerokaan selanjutnya [15]. Kajian ini telah mengaplikasikan PRISMA sebagai garis panduan pelaporan. PRISMA telah diterbitkan pada tahun 2009 untuk membantu penyemak sistematik untuk melaporkan secara telus mengenai rasional sesebuah kajian sistematik dilaksanakan, perkara yang dilakukan oleh penulis dan hasil dapatan kajian.

3.1.1 Strategi Carian Sistematik

Empat teknik sistematik telah digunakan bagi mendapatkan artikel-artikel kajian yang berkaitan dengan ulasan ini iaitu pengenaltastian, saringan, kelayakan dan disertakan. Penulis berupaya menghasilkan tinjauan literatur sistematik yang teratur dan telus menggunakan teknik ini.

a. Identifikasi (*Identification*)

Terdapat dua istilah utama dalam kajian ini iaitu persepsi pelajar dan penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik. Beberapa istilah dan variasi kata kunci telah dikenal pasti bagi meluaskan pencarian literatur berkaitan kajian ini. Proses pencarian istilah sinonim dan berkaitan telah dijalankan dengan merujuk kepada *thesaurus* dalam pangkalan data serta kajian-kajian terdahulu bagi memastikan liputan carian yang komprehensif. Fungsi carian lanjutan digunakan untuk menggabungkan istilah utama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Pangkalan data Scopus dipilih kerana ia merupakan sumber meta data penerbitan akademik yang berwibawa serta menyediakan penunjuk impak yang relevan. Oleh itu, kajian ini menggunakan Scopus sebagai pangkalan data utama bagi memastikan pemilihan jurnal yang berkualiti dan selari dengan skop kajian yang dijalankan.

Pangkalan data	Kata kunci yang digunakan
Scopus	TITLE-ABS-KEY(("student perception*" OR "student attitude*" OR "student view*" OR "learner perception*") AND ("ChatGPT" OR "generative AI" OR "artificial intelligence tool*" OR "AI writing tool*") AND ("academic writing" OR "academic essay*" OR "scholarly writing" OR "academic assignment*"))

Jadual 1. Rentetan carian yang digunakan untuk proses literatur sistematik

b. Saringan (*Screening*)

Selepas mengenal pasti artikel yang akan dipilih, proses saringan akan dijalankan. Pada peringkat ini, langkah pertama yang akan diambil ialah dengan mengecualikan jurnal (ulasan sistematik), siri buku, buku, bab dalam buku dan prosiding persidangan. Seterusnya, artikel ini dihadkan kepada penerbitan antara 2018 dan 2025. Proses saringan dijalankan berdasarkan analisis abstrak artikel dengan merujuk kepada kriteria berikut:

- **Populasi pelajar:** Kajian memfokuskan pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pendidikan seperti sekolah menengah, prasiswazah, pascasiswazah atau program profesional.
- **Fokus ChatGPT:** Kajian meneliti secara khusus penggunaan ChatGPT dan bukan hanya alat penulisan berasaskan kecerdasan buatan yang lain.
- **Konteks penulisan akademik:** Kajian berkaitan penggunaan ChatGPT dalam tugas penulisan akademik seperti esei, kertas penyelidikan, tugas kursus atau disertasi.
- **Hasil berasaskan persepsi:** Kajian mengumpul data berkaitan persepsi, sikap, pengalaman, pandangan, kepercayaan atau penilaian pelajar terhadap penggunaan ChatGPT.
- **Jenis kajian:** Kajian berbentuk penyelidikan empirikal dengan data primer atau kajian literatur sistematik/meta-analisis.

Selain itu, kajian yang disaring turut memenuhi kriteria tambahan berikut seperti:

- Mengandungi perspektif pelajar (bukan hanya pandangan pendidik atau pentadbir)
- Merupakan artikel penyelidikan empirikal atau kajian literatur sistematik lengkap
- Bukan artikel berbentuk editorial, komentar, pendapat atau abstrak persidangan tanpa teks penuh.

Keputusan saringan dibuat secara holistik dengan mempertimbangkan kesemua kriteria secara serentak bagi setiap artikel.

i. Pengekstrakan Data

Pengekstrakan data dilakukan menggunakan bantuan model bahasa berskala besar untuk mengekstrak maklumat utama daripada setiap artikel yang dipilih. Arahan khusus diberikan bagi memastikan ketekalan dan ketepatan data yang diperoleh. Data yang diekstrak merangkumi aspek berikut:

- **Populasi pelajar dan konteks penulisan**
Maklumat berkaitan tahap pelajar, bidang pengajian, latar belakang bahasa, saiz sampel, demografi, jenis penulisan akademik dan persekitaran pendidikan.
- **Corak penggunaan ChatGPT**
Fungsi penggunaan ChatGPT seperti penjanaan idea, semakan tatabahasa, maklum balas, penggubalan dan penyuntingan serta tahap proses penulisan yang terlibat.
- **Kaedah pengukuran persepsi**
Reka bentuk kajian, instrumen pengumpulan data, saiz sampel, tempoh pengumpulan data dan kewujudan kumpulan perbandingan.
- **Persepsi pelajar terhadap ChatGPT**
Persepsi positif, negatif dan bercampur termasuk keberkesanan, kemudahan penggunaan, kebimbangan terhadap integriti akademik dan kesan terhadap pembelajaran.
- **Faktor yang mempengaruhi persepsi**
Pengalaman terdahulu dengan AI, tahap literasi digital, dasar institusi, panduan pensyarah, latihan yang diterima dan faktor kontekstual lain.
- **Reka bentuk kajian dan kualiti metodologi**
Ciri-ciri reka bentuk kajian, bilangan respons, potensi bias, batasan kajian dan kebolegunaan dapatan.


c. Kelayakan (*Eligibility*)

Pada fasa ketiga, proses kelayakan akan dijalankan selepas penyaringan artikel dilaksanakan. Semasa peringkat ini, artikel yang disaring akan dipilih melalui bacaan tajuk, abstrak atau keseluruhan artikel. Daripada proses ini, beberapa artikel telah dikecualikan kerana tidak berfokus kepada persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik. Akhirnya, daripada 50 artikel yang dikenal pasti pada peringkat awal, hanya 10 artikel yang benar-benar memenuhi kriteria untuk dimasukkan dalam kajian literatur sistematik ini.

d. Disertakan (*Included*)

Artikel yang disertakan dalam kajian ini berfokus kepada persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik. Hanya 10 artikel yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik. Rajah 1 menunjukkan gambaran tentang pelaksanaan kajian sistematik PRISMA.

PRISMA 2020 flow diagram for new systematic reviews which included searches of databases and registers only



*Consider, if feasible to do so, reporting the number of records identified from each database or register searched (rather than the total number across all databases/registers).

**If automation tools were used, indicate how many records were excluded by a human and how many were excluded by automation tools.

Rajah 1. Pelaksanaan kajian sistematik PRISMA

4. Hasil Kajian

4.1 Ciri-ciri Kajian yang Disertakan

Kajian literatur sistematik ini mensintesis dapatan daripada 10 sumber yang mengkaji persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik. Kebanyakan sumber yang disertakan adalah ulasan sistematik itu sendiri, dengan satu kajian empirikal utama.

Kajian	Teks Penuh Kajian	Jenis Kajian	Fokus Kajian	Bilangan kajian yang dikaji	Populasi
Izzet Dos et al., 2025	Ya	Ulasan sistematik	ChatGPT dalam pendidikan tinggi secara meluas	20 kajian empirikal yang disemak rakan sebaya	Sekolah Menengah

Ni Putu Yunda Kirana et al., 2024	Ya	Sistematik ulasan literatur	ChatGPT dalam penulisan akademik pelajar EFL	14 artikel	Prasiswazah
N.Arsaedi et al , 2024	Ya	Ulasan sistematik	Cabaran dan kelebihan ChatGPT dalam penulisan EFL/ESL	15 artikel	Prasiswazah
Yazid Albadarin et al., 2024	Ya	Ulasan sistematik	Penyelidikan empirik mengenai ChatGPT dalam pendidikan	14 kajian empirikal	Pascasiswazah
Dr. Nosheen Malik et al., 2025	Ya	Kajian utama (kajian deskriptif)	Kesan ChatGPT terhadap hasil pembelajaran	Tidak terpakai (n=540 pelajar)	Prasiswazah
K. Amoush et al., 2025	Tidak	Ulasan sistematik	ChatGPT dalam pengajaran penulisan EFL	21 kajian	Prasiswazah
Kaberi Naznin et al, 2025	Tidak	Ulasan sistematik	ChatGPT untuk pembelajaran peribadi, penulisan akademik, dan pengaturcaraan	26 artikel	Pascasiswazah
C. Lo et al., 2024	Tidak	Ulasan sistematik	Pengaruh ChatGPT terhadap penglibatan pelajar	72 kajian empirikal	Sekolah Menengah dan Prasiswazah
M. Teng et al., 2024	Ya	Ulasan sistematik	ChatGPT untuk penulisan EFL	20 artikel	Prasiswazah
Hala Fawzi et al., 2024	Tidak	Ulasan sistematik	Keupayaan penulisan ChatGPT dan pelajar ESL/EFL	Tidak dinyatakan	Sekolah Menengah
Cengiz et al., 2025	Ya	Kajian utama (kajian empirikal)	Maklum balas ChatGPT dalam penulisan L2 dan persepsi pelajar	71 artikel	Prasiswazah
George-Reyes et al., 2025	Ya	Kajian utama (kajian empirikal)	Persepsi pelajar terhadap impak ChatGPT dalam pendidikan tinggi	47 artikel	Sekolah Menengah

Jadual 2. Ciri-ciri kajian yang disertakan

Seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2, sumber-sumber kajian yang disertakan kebanyakannya memfokuskan kepada konteks Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (EFL) dan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (ESL), sekali gus menunjukkan tumpuan penyelidikan yang ketara terhadap peranan ChatGPT dalam pembelajaran bahasa. Dari segi populasi kajian, pelajar yang terlibat merangkumi pelbagai peringkat pendidikan, iaitu daripada peringkat sekolah menengah atas sehingga ke peringkat pascasiswazah. Namun demikian, Jadual 2 turut menunjukkan bahawa hanya satu kajian utama melibatkan sampel berskala besar, iaitu seramai 540 orang pelajar pascasiswazah daripada fakulti sains komputer di tiga buah universiti di Pakistan. Selain itu, tempoh pengumpulan data bagi kajian-kajian yang dianalisis, seperti yang diperincikan dalam Jadual 2, merentasi jangka masa dari November 2022 hingga Mac 2025, yang merangkumi fasa awal selepas pelancaran awam ChatGPT.

Corak Penggunaan ChatGPT dalam Penulisan Akademik

Pelajar menggunakan ChatGPT pada pelbagai peringkat proses penulisan dan untuk pelbagai fungsi, seperti yang didokumenkan dalam literatur yang dikaji.

Fungsi	Tahap penulisan	Sumber	Populasi
Penjanaan idea dan konsep	Perancangan	Pelbagai semakan	Sekolah Menengah dan Prasiswazah
Mencipta rangka	Perancangan	N. Alsaedi et al., 2024	Prasiswazah
Menulis karangan dan penyusunan draf	Draf	Pelbagai semakan	Sekolah Menengah
Semakan tatabahasa	Penyuntingan	Pelbagai semakan	Semua
Penambahbaikan kosa kata	Penyuntingan	Pelbagai ulasan	Semua
Penyuntingan dan pemeriksaan kesahihan	Pembetulan	Pelbagai ulasan	Prasiswazah
Penyuntingan dan pemeriksaan kesahihan	Pembetulan	M. Teng et al., 2024	Prasiswazah
Pengesanan ralat dan penambahbaikan kandungan	Penyuntingan	Kaberi Naznin et al., 2025	Prasiswazah
Merumuskan dan merangka semula	Draf/Penyemakan	Pelbagai semakan	Prasiswazah
Menerjemahkan teks	Draf	Yazid Albadarin et al., 2024	Semua
Menerangkan konsep kompleks	Perancangan/ Pembetulan	Izzet Dos et al., 2025	Prasiswazah dan Pascasiswazah

Jadual 3. Corak penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, pelajar kebanyakannya menggunakan ChatGPT sebagai langkah awal dalam penulisan akademik, khususnya untuk menghasilkan draf awal sebelum menyemak semula hasil penulisan menggunakan sumber lain yang lebih berautoriti. Jadual 3 turut menunjukkan bahawa ChatGPT dimanfaatkan bagi memperoleh maklum balas masa nyata yang berkonteks, melebihi pembetulan tatabahasa asas, namun keberkesanan penggunaannya adalah lebih optimum apabila digabungkan dengan bimbingan pendidik. Walau bagaimanapun, maklumat berkaitan kekerapan dan tempoh penggunaan ChatGPT masih kurang dilaporkan dalam kebanyakan kajian.

Persepsi Pelajar terhadap ChatGPT

Persepsi Positif

Pelajar sentiasa melaporkan pandangan positif mengenai kegunaan ChatGPT dalam penulisan akademik merentas pelbagai dimensi.

Manfaat yang diperolehi	Deskripsi	Sumber	Populasi
Penambahbaikan prestasi penulisan	Peningkatan dalam tatabahasa, teks, kohesi, ketepatan, penggunaan kosa kata, kelancaran	Pelbagai ulasan	Prasiswazah dan Sekolah Menengah
Kecekapan pembelajaran	ChatGPT meningkatkan produktiviti dan menyokong pelbagai tugas pembelajaran	Pelbagai ulasan	Sekolah Menengah dan Prasiswazah
Maklum balas yang diperibadikan	Tindak balas yang disesuaikan yang menyokong keperluan pembelajaran	Pelbagai ulasan	Semua
Motivasi yang meningkat	Pelajar melaporkan motivasi dan penglibatan yang lebih tinggi apabila menggunakan ChatGPT	Pelbagai ulasan	Sekolah Menengah dan Prasiswazah
Pembelajaran sendiri	Menggalakkan tingkah laku pembelajaran autonomi	Pelbagai ulasan	Prasiswazah
Kebolehcapaian dan kemudahan penggunaan responsif	Digambarkan sebagai mudah diakses dan mudah digunakan	Izzet Dos et al., 2025	Pascasiswazah
Maklum balas segera	Memberikan maklum serta penjelasan dengan segera	Yazid Albadarin et al., 2024	Pascasiswazah
Pemahaman yang dipertingkatkan	Meningkatkan pemahaman dan perseptif sendiri yang positif	C. Lo et al., 2024	Prasiswazah
Prestasi akademik	Impak positif terhadap pencapaian akademik dan pembangunan peribadi	Dr. Nosheen Malik et al., 2025	Semua
Pengukuhan ingatan	Penambahbaikan daya ingatan	Dr. Nosheen Malik et	Pascasiswazah

maklumat kursus dalam al., 2025
kalangan pengguna biasa

Jadual 4. Persepsi positif

Seperti yang diringkaskan dalam Jadual 4, pelajar secara umumnya mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran akademik, khususnya dari segi peningkatan kecekapan pembelajaran dan produktiviti. Jadual 4 menunjukkan bahawa ChatGPT dihargai kerana keupayaannya menyokong penjana idea, menjelaskan konsep yang kompleks, serta meningkatkan kualiti penulisan dan ekspresi bahasa, dan sering digambarkan sebagai mentor peribadi dalam membantu menjawab soalan serta meringkaskan maklumat. Selain itu, dapatan kajian oleh Malik *et al.*, [14] seperti yang dilaporkan dalam Jadual 4, menunjukkan bahawa pengguna ChatGPT yang kerap mencatatkan peningkatan ingatan maklumat kursus yang signifikan secara statistik berbanding pengguna yang tidak kerap.

Persepsi Negatif

Walaupun terdapat persepsi positif, pelajar dan penyelidik secara konsisten mengenal pasti beberapa kebimbangan berkaitan penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik.

Kategori Kebimbangan	Isu Khusus	Sumber	Populasi
Integriti akademik	Kebimbangan terhadap plagiarisme, ketidakjelasan pengarang, dan potensi penyalahgunaan	Semua ulasan	Pascasiswazah
Kebergantungan berlebihan	Risiko kebergantungan yang mengurangkan keupayaan berfikir dan menulis secara berdikari	Pelbagai ulasan	Pascasiswazah
Pengurangan pemikiran kritis	Potensi menghalang perkembangan kemahiran analisis	Pelbagai ulasan	Pascasiswazah
Ketepatan kandungan	Kebimbangan terhadap kebolehpercayaan dan ketepatan kandungan yang dijana	Izzet Dos dan rakan rakan 2025	Prasiswazah
Kreativiti	Kebimbangan terhadap penurunan keaslian dalam penulisan	Pelbagai ulasan	Pascasiswazah
Kehilangan pembelajaran	Potensi kesan negatif terhadap perkembangan kemahiran	N Alsaedi dan rakan rakan 2024	Sekolah Menengah
Kualiti maklum balas	Maklum balas yang terlalu panjang atau kompleks sehingga mengelirukan pelajar bukan penutur jati	N Alsaedi dan rakan rakan 2024	Pascasiswazah
Penurunan motivasi	Potensi pengurangan motivasi dalaman untuk belajar	N Alsaedi dan rakan rakan 2024	Prasiswazah
Privasi data	Kebimbangan terhadap penggunaan data peribadi	Pelbagai ulasan	Pascasiswazah
Respons emosi	Perasaan kecewa, bimbang, dan cemas terhadap penggunaan ChatGPT	C Lo dan rakan rakan 2024	Prasiswazah

Jadual 5. Persepsi negatif

Seperti yang diringkaskan dalam Jadual 5, kajian-kajian yang disemak mengenal pasti beberapa persepsi negatif terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik, terutamanya berkaitan isu integriti akademik seperti plagiarisme dan ketidakjelasan pengarang. Jadual 5 turut menunjukkan bahawa kebergantungan berlebihan terhadap ChatGPT berpotensi menjejaskan pemikiran kritis, kreativiti dan kemahiran penulisan secara berdikari, sekali gus menegaskan keperluan penggunaan ChatGPT secara beretika dan terkawal dalam konteks akademik.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Persepsi Pelajar

Terdapat pelbagai faktor yang membentuk cara pelajar melihat dan mengalami penggunaan ChatGPT dalam konteks penulisan akademik.

Kategori Faktor	Faktor Spesifik	Pengaruh terhadap Persepsi	Populasi
Pengalaman terdahulu	Tahap kefahaman terhadap teknologi AI	Membentuk tahap kepercayaan dan keyakinan terhadap ChatGPT	Pascasiswazah
Kemahiran teknikal	Tahap literasi digital	Pelajar yang mahir teknologi mendapati antaramuka (interface) lebih mudah digunakan	Semua
Tahap akademik	Status sarjana muda vs. sarjana	Pelajar pascasiswazah percaya ChatGPT dapat menangani tugas yang lebih sukar	Pascasiswazah
Jantina	Pelajar lelaki vs. perempuan	Pelajar lelaki melaporkan manfaat yang dirasakan lebih tinggi	Prasiswazah
Dasar institusi	Garis panduan dan peraturan	Garis panduan yang jelas menyokong hasil positif	Prasiswazah
Sikap guru	Bimbingan dan sokongan pengajar	Penting untuk integrasi penggunaan yang berkesan	Prasiswazah
Latihan yang diterima	Pendidikan literasi AI	Mempengaruhi penggunaan yang sesuai dengan persepsi	Pascasiswazah
Kemahiran penulisan	Tahap kemahiran pelajar	Penyesuaian dengan tahap kemahiran yang disyorkan	Sekolah Menengah
Motivasi individu	Matlamat pembelajaran dan keyakinan diri	Bantuan AI meningkatkan motivasi dan keyakinan diri	Sekolah Menengah
Faktor budaya/konteks	Halangan bahasa, kebimbangan privasi	Mungkin menjejaskan kefahaman terhadap maklum balas	Sekolah Menengah

Jadual 6. Faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar

Seperti yang diperincikan dalam Jadual 6, persepsi pelajar terhadap ChatGPT dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya termasuk pengalaman terdahulu, tahap kefahaman terhadap AI, literasi digital dan teknikal, tahap akademik, serta jantina pelajar. Selain itu, Jadual 6 juga menunjukkan bahawa faktor institusi seperti dasar penggunaan AI, sokongan pengajar, kemahiran penulisan, motivasi individu, serta konteks budaya dan situasi di mana halangan bahasa dan kebimbangan mengenai privasi secara kolektif mempengaruhi tahap keyakinan, penerimaan, dan kecenderungan pelajar untuk menggunakan ChatGPT dalam penulisan akademik.

Pertimbangan Metodologi

Kualiti dan kebolehpercayaan dapatan mengenai persepsi berbeza-beza antara sumber yang dikaji.

Kajian	Kekuatan Rekabentuk	Keterbatasan
Izzet Dos et al., 2025	Carian komprehensif merentas pelbagai pangkalan data; mematuhi PRISMA	Had bahasa dan pangkalan data; tiada penilaian kualiti formal
Ni Putu Yunda Kirana et al., 2024	Mematuhi garis panduan PRISMA	Fokus pada kohort EFL tertentu; kebolehgunaan umum terhad
N. Alsaedi et al., 2024	Carian pelbagai pangkalan data; carta alir PRISMA	Terhad oleh kemajuan AI dan skop pangkalan data
Yazid Albadarin et al., 2024	Penilaian kualiti menggunakan piawaian Fink	Kajian terhad kerana ChatGPT baru; tiada garis panduan jelas
Dr. Nosheen Malik et al., 2025	Sampel rawak; kadar respons 90%; instrumen disahkan melalui kajian perintis; kebolehpercayaan Cronbach's alpha	Terhad kepada pelajar pascasiswazah sains komputer di universiti Pakistan
C. Lo et al., 2024	Sampel besar daripada 72 kajian dalam tempoh satu tahun	Bukti digambarkan "kukuh tetapi fokus sempit" atau "luas tetapi lemah"
M. Teng et al., 2024	Mematuhi PRISMA; ulasan komprehensif	Fokus pada penerbitan terkini; konteks sejarah mungkin terhad

Jadual 7. Pertimbangan metodologi

Seperti yang diperincikan dalam Jadual 7, kebolehpercayaan dan kualiti dapatan kajian berbeza bergantung pada pertimbangan metodologi, termasuk reka bentuk kajian, saiz sampel, instrumen yang digunakan, dan jenis kohort. Jadual 7 menyorot kekuatan setiap kajian, seperti carian literatur yang komprehensif merentas pangkalan data, pematuhan kepada garis panduan PRISMA, saiz sampel yang besar, dan penggunaan instrumen yang disahkan. Pada masa yang sama, jadual ini turut menunjukkan keterbatasan, termasuk had bahasa, kohort khusus, konteks kajian yang terhad, serta garis panduan ChatGPT yang belum jelas. Perbandingan ini mencerminkan variasi dalam kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, sekaligus membolehkan pembaca memahami kelebihan dan batasan metodologi yang diaplikasikan.

5. Perbincangan Kajian

Hasil tinjauan literatur sistematik menunjukkan bahawa pelajar secara amnya memandang ChatGPT sebagai alat bermanfaat dalam penulisan akademik [7,13]. Persepsi positif ini bukan sahaja kerana kemudahan yang ditawarkan, tetapi juga kerana ia membolehkan pembelajaran lebih interaktif dan responsif, membantu dalam penjanaaan idea, penyediaan draf awal, semakan tatabahasa, pengayaan kosa kata, dan maklum balas segera [17,20]. Pelajar menghargai kemudahan akses, sokongan pembelajaran sendiri, pemahaman konsep, serta peningkatan keyakinan dan motivasi [1,11]. Kajian oleh Malik *et al.*, [14] menunjukkan bahawa penggunaan berulang meningkatkan pengekalan maklumat kursus, yang menandakan bahawa ChatGPT boleh memberi manfaat jangka panjang terhadap proses pembelajaran.

Namun, walaupun manfaat jelas, kebimbangan berkaitan integriti akademik tetap wujud, termasuk isu plagiarisme, hak cipta, dan risiko kebergantungan berlebihan yang boleh menjejaskan kreativiti, pemikiran kritis, dan pembangunan kemahiran penulisan berdikari [2,7,9,11]. Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap teknologi AI tidak berlaku secara automatik, tetapi perlu diimbangi dengan kesedaran etika dan bimbingan pedagogi.

Persepsi pelajar dipengaruhi oleh faktor individu dan konteks, termasuk pengalaman terdahulu, literasi digital, kemahiran teknikal, tahap akademik, jantina, dasar institusi, dan sokongan pengajar [1,7,13]. Pelajar yang lebih mahir teknologi cenderung menggunakan ChatGPT lebih efektif [17], manakala garis panduan dan latihan berstruktur membantu penggunaan etika [2]. Faktor budaya, bahasa, dan motivasi individu turut mempengaruhi tahap penerimaan pelajar (Hala Fawzi, 2024). Dengan kata lain, keberkesanan ChatGPT bergantung bukan sahaja pada teknologi itu sendiri, tetapi juga pada kapasiti pelajar untuk menggunakan dan menilai maklumat dengan kritikal.

Dapatan menunjukkan bahawa ChatGPT sesuai untuk tugas awal seperti penjanaaan idea dan semakan tatabahasa, manakala tugas analisis kritis dan pembangunan hujah perlu dilakukan secara berdikari [20]. Ini menimbulkan persoalan pedagogi: jika pelajar terlalu bergantung pada ChatGPT, kemahiran pemikiran kritis dan kreativiti mereka mungkin terjejas. Oleh itu, pengajar memainkan peranan penting dalam menyediakan panduan, latihan literasi AI, dan galakan refleksi kritis [7], manakala institusi perlu menyediakan kerangka etika yang jelas [1,13]. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong penggunaan beretika, tetapi juga menegaskan bahawa ChatGPT sepatutnya berfungsi sebagai pelengkap, bukan pengganti, kemahiran penulisan pelajar.

Kekuatan kajian termasuk pendekatan sistematik, pematuhan PRISMA, persampelan rawak, instrumen disahkan, dan penglibatan pelbagai kohort [7,14,20], manakala keterbatasan merangkumi populasi terhad, literatur berbahasa Inggeris sahaja, konteks terhad, dan garis panduan ChatGPT yang belum jelas [2,9,17]. Hal ini mencerminkan variasi dalam kebolehpercayaan dan kesahan dapatan, sejajar dengan Jadual 7 mengenai pertimbangan metodologi, dan menandakan bahawa dapatan perlu ditafsir dengan berhati-hati sebelum digeneralisasikan ke konteks lain.

Cadangan masa depan termasuk latihan literasi AI sistematik [7], integrasi pedagogi seimbang antara ChatGPT dan penulisan berdikari [20], penglibatan pelajar pelbagai budaya dan disiplin [1], serta kajian jangka panjang untuk menilai impak terhadap kemahiran penulisan, pemikiran kritis, motivasi, dan integriti akademik [3,11]. Pendekatan ini menekankan bahawa integrasi AI dalam pendidikan memerlukan keseimbangan antara teknologi, pedagogi, dan pembangunan holistik pelajar, bukannya sekadar penggantian kemahiran manusia dengan alat digital.

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian literatur sistematik iaitu persepsi pelajar terhadap penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik menunjukkan pelajar memberikan respon yang positif serta sejajar dengan kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan ChatGPT dalam penulisan akademik adalah positif dengan menggunakan ChatGPT sebagai sokongan kepada peningkatan kecekapan penulisan dan juga kepada peningkatan kemahiran serta pembelajaran sendiri. Berdasarkan kepada pembangunan penulisan peringkat awal hinggalah penulisan pada peringkat pengeditan dan semakin akhir. Namun kajian tetap menunjukkan respon pelajar kepada ChatGPT adalah negatif yang disertai dengan isu integriti akademik, isu ketergantungan berlebihan, isu ketepatan, isu kesan negatif terhadap pemikiran kritis, dan isu kesan negatif terhadap pemikiran. Kajian ini juga menunjukkan data respon pelajar kepada ChatGPT adalah disebabkan oleh situasi yang relevan berkaitan dengan teknologi iaitu literasi digital, pengalaman dengan AI, dan dasar institusi, serta panduan pedagogi. Integrasi ChatGPT dalam bidang penulisan akademik mestilah dengan panduan yang baik, dan bimbingan dari pendidik yang perlu lebih aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk memberikan pengalaman positif kepada pelajar.

Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada pensyarah pembimbing atas kritikan dan nasihat sepanjang penulisan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli kumpulan yang telah memberi kerjasama dan sokongan yang tak terhingga.

Kewangan

Kajian ini tidak menerima sebarang tajaan dan sumbangan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan

Tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan dengan penerbitan jurnal ini.

Rujukan

- [1] Albadarin, Yazid, Mohammed Saqr, Nicolas Pope, and Markku Tukiainen. "A systematic literature review of empirical research on ChatGPT in education." *Discover Education* 3, no. 1 (2024): 60. <https://doi.org/10.1007/s44217-024-00138-2>
- [2] Alsaedi, Najah. "ChatGPT and EFL/ESL writing: A systematic review of advantages and challenges." *English Language Teaching* 17, no. 5 (2024): 41-50. <https://doi.org/10.5539/elt.v17n5p41>
- [3] Amoush, Kholoud H., and Amal A. Alhosban. "Mastering EFL writing with ChatGPT: A systematic review of benefits, challenges, and best practices." *Theory and Practice in Language Studies* 15, no. 8 (2025): 2576-2583. <https://doi.org/10.17507/tpls.1508.14>
- [4] Baidoo-Anu, David, and Leticia Owusu Ansah. "Education in the era of generative artificial intelligence (AI): Understanding the potential benefits of ChatGPT in promoting teaching and learning." *Journal of AI* 7, no. 1 (2023): 52-62. <https://doi.org/10.61969/jai.1337500>
- [5] Cengiz, Behice Ceyda, Zeynep Bilki, Amine Hatun Atas, and Berkan Celik. "Exploring second language writers' engagement with ChatGPT feedback: Revision behaviors and perceptions." *System* 134 (2025): 103837. <https://doi.org/10.1016/j.system.2025.103837>
- [6] Cotton, Debby RE, Peter A. Cotton, and J. Reuben Shipway. "Chatting and cheating: Ensuring academic integrity in the era of ChatGPT." *Innovations in education and teaching international* 61, no. 2 (2024): 228-239. <https://doi.org/10.1080/14703297.2023.2190148>

- [7] Dos, Izzet. "A Systematic Review of Research on ChatGPT in Higher Education." *European Educational Researcher* 8, no. 2 (2025): 59-76. <https://doi.org/10.31757/euer.824>
- [8] Dwivedi, Yogesh K., Nir Kshetri, Laurie Hughes, Emma Louise Slade, Anand Jeyaraj, Arpan Kumar Kar, Abdullah M. Baabdullah et al. "Opinion Paper: "So what if ChatGPT wrote it?" Multidisciplinary perspectives on opportunities, challenges and implications of generative conversational AI for research, practice and policy." *International journal of information management* 71 (2023): 102642. <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2023.102642>
- [9] Fawzi, H. "A bleeding edge or a cutting edge? A systematic review of ChatGPT and English as a second and/or foreign language learners' writing abilities." In *WorldCALL 2023 Conference Proceedings. The International Academic Forum (IAFOR)*, pp. 7-15. 2023. <https://doi.org/10.22492/issn.2759-1182.2023.2>
- [10] George-Reyes, Carlos Enrique, Raidell Avello-Martínez, and Mariana Buenestado-Fernández. "Perceptions of ChatGPT and the Complexity of Its Impact among Higher Education Students: Evidence across Ten Countries of Latin America and Europe." *Educational Process: International Journal* 15 (2025): e2025171. <https://doi.org/10.22521/edupij.2025.15.171>
- [11] Lo, Chung Kwan, Khe Foon Hew, and Morris Siu-yung Jong. "The influence of ChatGPT on student engagement: A systematic review and future research agenda." *Computers & Education* 219 (2024): 105100. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2024.105100>
- [12] Kasneci, Enkelejda, Kathrin Seßler, Stefan Küchemann, Maria Bannert, Daryna Dementieva, Frank Fischer, Urs Gasser et al. "ChatGPT for good? On opportunities and challenges of large language models for education." *Learning and individual differences* 103 (2023): 102274. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2023.102274>
- [13] Kirana, Ni Putu Yunda, and Made Hery Santosa. "The Use of ChatGPT in Academic Writing Skills for EFL Learners: A Systematic Literature Review." *EDUCAFL: Journal on Education of English as Foreign Language* 7, no. 2 (2024): 157-179. <https://doi.org/10.21776/ub.educafl.2024.007.02.04>
- [14] Malik, Nosheen, Asma Kousar, and Khurram Arshad. "Chat-GPT in Education: Learning Outcomes and Facilitating Knowledge Acquisition." *Inverge Journal of Social Sciences* 4, no. 2 (2025): 97-104. <https://doi.org/10.63544/ijss.v4i2.131>
- [15] Shaffril, H. A. M., S. F. Samsuddin, and A. A. Samah. *The ABC of systematic literature review: the basic methodological guidance for beginners. Quality & Quantity*. 2021.
- [16] Montenegro-Rueda, Marta, José Fernández-Cerero, José María Fernández-Batanero, and Eloy López-Meneses. "Impact of the implementation of ChatGPT in education: A systematic review." *Computers* 12, no. 8 (2023): 153. <https://doi.org/10.3390/computers12080153>
- [17] Naznin, Kaberi, Abdullah Al Mahmud, Minh Thu Nguyen, and Caslon Chua. "ChatGPT integration in higher education for personalized learning, academic writing, and coding tasks: A systematic review." *Computers* 14, no. 2 (2025): 53. <https://doi.org/10.3390/computers14020053>
- [18] Sullivan, Miriam, Andrew Kelly, and Paul McLaughlan. "ChatGPT in higher education: Considerations for academic integrity and student learning." *Journal of Applied Learning & Teaching* 6, no. 1 (2023): 31-40. <https://doi.org/10.37074/jalt.2023.6.1.17>
- [19] Susnjak, Teo, and Timothy R. McIntosh. "ChatGPT: The end of online exam integrity?." *Education Sciences* 14, no. 6 (2024): 656. <https://doi.org/10.37074/jalt.2023.6.1.9>
- [20] Feng Teng, Mark. "A systematic review of ChatGPT for English as a foreign language writing: Opportunities, challenges, and recommendations." *International Journal of TESOL Studies* 6, no. 3 (2024).